

**ASAS PERTIMBANGAN KELULUSAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN
PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM.**

Pembersihan Pasar Awam.

***ASAS PERTIMBANGAN YANG DINYATAKAN HANYA MERUPAKAN KRITERIA UMUM KELULUSAN LESEN YANG
MERUPAKAN RUJUKAN KEPADA PERMOHONAN SEBELUM MEMOHON
LESEN. ASAS PERTIMBANGAN BERDASARKAN SETIAP ZON PERMOHONAN.***

1. Ketepatan makluman yang dinyatakan di dalam borang permohonan (sekiranya terdapat maklumat yang dinyatakan didapati PALSU maka permohonan akan ditolak secara automatik).
2. Bebas daripada mana-mana kesalahan undang-undang berkaitan sisa pepejal, undang-undang berkaitan rasuah dan kesalahan lain yang boleh dihukum penjara (terhadapnya sahaja atau tambahan atau gantian terhadap denda) bagi tempoh lebih 2 tahun.
3. Keupayaan kewangan iaitu purata penyata tiga bulan terakhir dan kemudahan kredit tidak kurang **RM2,500** bagi setiap zon yang dipohon.
4. Mempunyai pengalaman kerja di dalam bidang berkaitan pengurusan pembersihan awam.
5. Mempunyai bilangan pekerja yang mencukupi (tidak kurang 7 pekerja bagi setiap zon).
6. Mempunyai depoh.
7. Mempunyai bilangan kenderaan yang mencukupi.
8. Mempunyai peralatan dan jentera yang berkaitan (contohnya pengering lantai dan pemancut air bertekanan tinggi).
9. Mempunyai pelan perkhidmatan kerja.